

16/03/1997

LICT lahir graduan teknikal berkualiti

Nurul Adlina Kamaludin

LEDAKAN era teknologi maklumat bukan saja mengubah pemikiran rakyat, malah turut mempengaruhi pasaran kerjaya yang kini lebih bertumpu dalam bidang profesional dan teknikal.

Sehubungan itu, Institut Teknologi Kreatif Limkokwing (LICT) turut berusaha melahirkan lebih ramai profesional bagi membantu kerajaan memenuhi permintaan tenaga mahir yang semakin tinggi.

Beroperasi sejak empat tahun lalu, LICT menawarkan pelbagai kursus dalam bidang teknikal seperti reka bentuk, seni bina, komunikasi, teknologi maklumat dan interaktif multimedia.

LICT juga mengadakan program pengajian berkembar dan mengadakan usaha sama dengan 30 universiti terkemuka di luar negara.

Ini juga bermakna lulusan LICT berpeluang melanjutkan pelajaran di universiti berkenaan termasuk di Kanada, Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Selain kemantapan program pengajian berkembarnya, reputasi LICT turut terbukti melalui kejayaan graduannya meraih pelbagai anugerah di peringkat tempatan serta antarabangsa.

Misalnya, pelajar kursus reka bentuk LICT dipilih mewakili Asia dalam Cabaran Multimedia Perancis 1995 serta meraih tempat pertama dan kedua dalam Pertandingan Melukis Swatch pada tahun yang sama.

Di peringkat tempatan pula, pelajar LICT memenangi dua sijil cemerlang dalam Pertandingan Konsep Kereta yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, baru-baru ini, pelajar LICT mencipta kenangan manis apabila memenangi anugerah cemerlang Datin Seri Dr Siti Hasmah anjuran Yayasan Aids Malaysia menerusi usaha gigih serta komitmen mereka membantu menangani gejala HIV.

LICT mempunyai tiga sekolah, iaitu Perniagaan dan Pengurusan, Seni Bina serta Seni Lukis dan Reka Bentuk di kampus Jalan Tun Razak dan Jalan Imbi, Kuala Lumpur. Untuk maklumat lanjut hubungi 03-2939833 atau faks 03-2932592.

(END)